

24 JUN 2003

Mastika-Reaksi

MASTIKA JUNAIDAH TAK SANGKA DILANTIK KERANA KURANG PENGALAMAN

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Anggota Parlimen Arau Datuk Mastika Junaidah Husin, yang hari ini dinamakan sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, berkata beliau tidak menjangka akan dilantik ke jawatan itu kerana "pengalaman saya tidak begitu banyak".

Namun beliau melahirkan rasa syukur dan mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Mahathir Mohamad kerana kepercayaannya melantik beliau ke jawatan itu, katanya ketika diminta mengulas mengenai pengumuman oleh Perdana Menteri di Putrajaya hari ini.

Mastika Junaidah, 49, merupakan penyandang pertama jawatan itu kerana sebelum ini, kementerian yang ditubuhkan 29 bulan lepas itu, tidak mempunyai seorang Setiausaha Parlimen. Ia diketuai oleh Datuk Shahrizat Abdul Jalil sebagai menteri.

Katanya beliau akan menemui Shahrizat bagi membincangkan tugas dan peranan yang perlu dilaksanakannya.

"Saya kira di Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ada banyak kerja yang perlu dilakukan dan banyak isu yang harus kami selesaikan serta program-program yang kami mesti laksanakan untuk pembangunan wanita lebih-lebih lagi dalam soal kekeluargaan," katanya ketika ditemui pemberita selepas perasmian Promosi Kraf Nusantara oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Mastika Junaidah turut mengucapkan terima kasih kepada Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz kerana telah banyak mengajarnya sepanjang lapan bulan beliau menjadi Pengerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKPM).

"Selama lapan bulan berada di PKPM saya mendapat banyak pengalaman dan tahu bagaimana cara bekerja di kementerian. Saya dapat menimba ilmu dan pengalaman, terima kasih kepada Datuk Seri Nazri kerana memberi saya peluang," katanya.

Ketika ditanya bagaimana beliau mendapat berita mengenai pelantikannya itu, Mastika Junaidah berkata beliau menerima banyak mesej menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) yang mengucapkan tahniah kepadanya semasa dalam perjalanan ke Parlimen.

Bagi memastikan apa yang dikhabarkan kepadanya adalah benar, beliau telah menghubungi suaminya yang kemudian mengesahkan mendengar berita itu daripada siaran berita di radio.

"Saya dalam perjalanan ke Parlimen kerana kebetulan soalan saya (yang hendak dikemukakan semasa sesi soal jawab lisan Dewan Rakyat) adalah nombor lima. Saya sempat jumpa PM (Dr Mahathir) di Parlimen dan kemudian saya bergegas ke sini (Kompleks Kraf Kuala Lumpur) untuk majlis ini dan berjumpa dengan Datin Seri Dr Siti Hasmah," katanya.

Mastika Junaidah, lulusan Universiti Malaya dalam bidang pertanian, pernah menjadi Penolong Pegawai Daerah selain pernah berkhidmat sebagai pegawai pertanian dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) selama 18 tahun.

Beliau merupakan Ketua Wanita Umno Perlis dan memenangi kerusi Arau dalam pilihan raya umum lepas pada 1999 dengan menewaskan calon PAS Abdul Aziz Hanafi.

Semasa hari keputeraan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, beliau dikurniakan darjah Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk.

-- BERNAMA  
HS MUN NM MAI